

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1995/96

Oktober/November 1995

AKW101 - PENGANTAR PENGURUSAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan 1 adalah **WAJIB**.

Soalan 1 (WAJIB)

Syarikat Aero Tech adalah sebuah syarikat yang mengkhusus dalam teknologi angkasa. Baru-baru ini, pengarah bahagian penyelidikan dan pembangunan telah mengumumkan bahawa syarikat akan membina sebuah komponen kritikal bagi sebuah kapal terbang yang baru. Untuk tujuan ini, beliau telah melantik satu jawatankuasa projek yang terdiri daripada sekumpulan jurutera untuk menjayakan projek tersebut. Beliau pula telah melantik Dr. Andrina untuk mengetuai projek tersebut berdasarkan pengetahuan beliau yang tinggi di dalam bidang kejuruteraan aeronautikal. Namun, rakan projek beliau yang lain tidak berpuashati dengan perlantikan Dr. Andrina dan menunjukkan rasa tidak puas hati mereka dengan menganjurkan sabotaj kerja secara berkumpulan. Pengarah mendapati, ketidakpuasan hati ini berlaku kerana ketua yang dilantik adalah seorang wanita. Beliau berpendapat bahawa sikap prejedis prototaip komponen tersebut adalah amat penting baginya dan juga syarikat. Adakah patut pengarah menimbangkan untuk menukar Dr. Andrina?

Sekiranya anda dilantik sebagai pengarah syarikat tersebut, bagaimana anda menyelesaikan masalah ini. Bincangkan dari sudut keuntungan dan etika pengurusan.

[20 markah]

Soalan 2

Peter F. Drucker pernah menulis tentang prasyarat untuk menjadi pengurus yang berkesan dalam bukunya yang bertajuk "The Effective Executive". Pada pandangan anda, apakah yang dimaksudkan dengan kecekapan dan keberkesanannya yang disarankan oleh Peter Drucker? Selain daripada kecekapan dan keberkesanannya, apakah prasyarat lain untuk seorang pengurus menjadi seorang pengurus yang berkesan dan cekap.

[20 markah]

Soalan 3

Semasa Tan Sri Tajudin Ramli mengambil alih Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS), beliau mengatakan bahawa MAS akan mencapai keuntungan sebanyak 5 kali ganda menjelang tahun 2000. Perancangan beliau ini adalah penting bagi menjamin kesinambungan syarikat tersebut. Pada pandangan anda, apakah elemen-elemen yang penting dalam mentakrif perancangan sertauraikan apakah proses pembentukan perancangan strategi?

[20 markah]

Soalan 4

Dengan adanya kemajuan sains dan teknologi, persekitaran perniagaan sentiasa berubah-ubah. Di sini, seorang pengurus yang berjaya haruslah peka dan pandai meramal persekitaran perniagaan tersebut. Sila berikan contoh-contoh yang sesuai bagaimana elemen-elemen persekitaran boleh mempengaruhi sesebuah perniagaan.

[20 markah]

Soalan 5

Encik Johan adalah seorang juruteknik pengeluaran di syarikat dan anda adalah pengurus pengeluarannya. Dari pengamatan yang anda lakukan, anda mendapati bahawa beliau kelihatan tidak bersemangat untuk menjalankan tugas seperti lambat membaiki mesin apabila rosak dan selalu poteng kerja. Terangkan bagaimana anda dapat mengatasi masalah tersebut dengan menggunakan salah satu teori motivasi yang telah anda pelajari.

[20 markah]

Soalan 6

Kepimpinan yang baik dalam sebuah organisasi akan membawa kepada kejayaan organisasi tersebut. Sila beri ciri-ciri untuk menjadi pemimpin yang berkesan dan bagaimana Teori Kepimpinan Situasi dan Teori "Path Goal" membantu anda menjadi pemimpin yang berkesan.

[20 markah]

Soalan 7

Syarikat anda akan melancarkan satu produk baru dalam masa beberapa bulan. Pengurus besar telah melantik anda sebagai koordinator dalam merangka sistem pengawalan bagi pengeluaran produk tersebut dan meminta anda membentangnya dalam mesyuarat yang akan datang. Huraikan langkah-langkah yang akan anda ambil kira dalam melaksanakan sistem pengawalan tersebut.

[20 markah]

---ooo000ooo---

